

18 SEP 1997

Mahathir - Motosikal

MAHATHIR RAYU PENUNGGANG MOTOSIKAL BERHATI-HATI

KUALA LUMPUR, 18 Sept (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini merayu penunggang motosikal supaya lebih hati-hati di jalan raya kerana "lebih baik bagi mereka tiba lewat sedikit ke destinasi daripada terus tidak sampai".

Sambil berulang kali berkata "saya merayu" bagi menyampaikan maksudnya itu kepada penunggang dan pembonceng, Perdana Menteri mengibaratkan mereka seperti "mentimun yang bergolek kena dan digolek pun kena".

"Ada yang nak tiba cepat...ada juga yang nak bergaya sikit tetapi tiada gunanya kerana ia membawa mudarat kepada diri sendiri," katanya ketika melancarkan kempen keselamatan penunggang motosikal 1997-1999 di Dataran Merdeka di sini.

Dr Mahathir berkata dengan berupaya mencelah-celah di tengah kesibukan lalu lintas dan kelihatan lebih laju daripada kenderaan empat roda memanglah menaiki motosikal lebih bergaya "tetapi tidaklah bergaya lagi apabila berada di atas troli dalam keadaan cedera parah di hospital".

Oleh itu, beliau berkata mereka mestilah sentiasa berhati-hati kerana kemalangan yang berlaku kebanyakannya berpunca daripada diri mereka sendiri.

Dr Mahathir berkata ketika memandu sendiri kereta, beliau pernah melihat bagaimana laju dan tidak selamatnya cara sesetengah orang menunggang motosikal yang dengan sewenang-wenang memotong kereta selain kerap kali juga melihat kemalangan berlaku termasuk yang mengakibatkan kematian.

Kira-kira 4,000 penunggang motosikal dari Lembah Klang dan Johor mengambil bahagian pada pelancaran kempen itu yang termasuk pembacaan ikrar akan menjadi penunggang berhati-hati dan selamat. Mereka diketuai oleh Pengarah Urusan Syarikat Harley-Davidson Malaysia Sdn Bhd Datuk Yahya Jalil.

Ketika ditanya pemberita mengenai kemalangan yang tetap meningkat walaupun banyak sudah kempen keselamatan dijalankan, Dr Mahathir berkata ia bergantung kepada pemandu sendiri dan bukan kerana motosikal atau orang lain.

"Kita mesti ambil tindakan mencegah, jangan kita dekat dengan orang tapi dia sengaja pergi kejar," katanya.

Kerajaan, kata Perdana Menteri, tidak dapat melakukan lebih daripada berkempen serta menguatkuasakan undang-undang.

"Kalau kita nak bunuh diri (dengan menunggang secara tidak selamat), payahlah sikit... lebih senang lagi naik bangunan dan terjunlah," katanya.

Antara kenamaan yang turut hadir pada majlis itu yang diselimuti jerebu ialah Menteri Pengangkutan Datuk Seri Dr Ling Liong Sik dan timbalannya Datuk Mohd Ali Rustam serta Ketua Polis Negara Tan Sri Rahim Noor. --

BERNAMA

MNY APG